

Milik Bumiputera di sektor syarikat naik

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KADAR pemilikan dan penguasaan Bumiputera dalam sektor syarikat meningkat dari \$279.6 juta dalam 1971 kepada \$3,273.7 juta pada 1980.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Abdullah Ahmad Badawi berkata, ini adalah peningkatan 12.4 peratus berbanding dengan 43 peratus dalam tahun 1971.

Sungguhpun demikian, kadar itu adalah lebih rendah dari matlamat 16 peratus untuk tahun 1980 seperti tercatat dalam rangka rancangan jangka panjang, katanya ketika menjawab soalan

Wan Ibrahim Abdullah (Bebas-Pasir Mas).

Ahli itu ingin tahu sejauh mana kejayaan yang dicapai dalam usaha menyusun semula masyarakat bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan penganal kaum mengikut fungsi ekonomi.

Datuk Abdullah berkata, dalam tempoh yang sama kadar pemilikan lain-lain kaum bertambah dari 34 peratus kepada 40 peratus.

Menurutnya, tahap pendapatan antara kaum juga meningkat. Pendapatan purata orang Melayu meningkat dari \$172 pada 1970 kepada \$309 tahun 1979.

Pendapatan purata

kaum Cina pula meningkat dari \$394 (1970) kepada \$659 (1979) manakala bagi kaum India turut berubah dari \$304 kepada \$467 dalam tempoh yang sama.

Datuk Abdullah berkata, semua kumpulan kaum mengalami pertumbuhan guna tenaga yang pesat dalam tempoh 1971-1980, selaras dengan matlamat penyusunan semula supaya guna tenaga dalam semua sektor dan peringkat menggambarkan susunan kaum.

Katanya, dalam sektor perlombongan, pembuatan, pembinaan dan pengangkutan di mana penyertaan Bumiputera adalah rendah, bahagian

gunatenaga mereka bertambah dari 32.1 peratus dalam 1970 kepada 39.8 peratus 1980.

Begitu juga dalam sektor perniagaan borong dan runcit, bank, pentadbiran awam, pertahanan dan kemudahan awam, bahagian gunatenaga Bumiputera bertambah dari 42.6 peratus kepada 47 peratus.

Bellau berkata, pada keseluruhannya kerajaan berjaya mengubah sedikit sebanyak ekonomi antara kaum sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada 1971 melalui rancangan penyusunan semula masyarakat.

Menjawab soalan Encik Khadi Sabran (BN-Tenggaroh) beliau berkata, kemelesetan ekonomi menjelaskan sedikit usaha kerajaan untuk mempercepatkan pencapaian matlamat DEB.

Datuk Abdullah memberitahu Encik Ng Cheng Kuan (BN-Lumut), harta yang dikumpulkan oleh agensi-agensi amanah turut dimasukkan dalam perkiraan pendapatan purata orang Melayu.